

**Najib Ucap Tahniah Kepada Chong Wei Sempena Perkahwinannya
Bernama
09 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada bintang badminton Malaysia Datuk Lee Chong Wei sempena perkahwinannya Jumaat malam.

Najib berharap Chong Wei dan isteri, bekas pemain badminton kebangsaan Wong Mew Choo, menikmati hidup bahagia pada masa depan.

"Tahniah, Lee Chong Wei sempena perkahwinan anda dengan Wong Mew Choo. Semoga anda berdua menikmati kebahagiaan pada tahun-tahun mendatang," kata Najib dalam tweet terbarunya.

Terdahulu, Najib menghadiri majlis resepsi pasangan itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708424>